

05/09/1997

Hanya RM1.09j masuk balik akaun

HANYA RM1.09 juta daripada jumlah RM1.8 juta yang hilang daripada akaun Pergerakan Wanita Umno dikembalikan, manakala bakinya digunakan bagi pentadbiran jawatankuasa lama, kata Ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

"Kita dimaklumkan oleh Bendahari Agung Umno yang juga pengerusi jawatankuasa penyiasat kes berkenaan, hanya RM1.09 juta dipulangkan dan bakinya adalah perbelanjaan yang digunakan oleh pentadbiran lama," katanya menjawab soalan membabitkan isu itu yang dikemukakan oleh perwakilan.

Menggulung perbahasan Perhimpunan Agung Wanita Umno petang semalam, beliau sehubungan itu berkata, Wanita Umno menganggap kes itu selesai.

Beliau turut menegaskan Wanita Umno akan terus mendesak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya memberi semula kuota untuk satu jawatan timbalan menteri kepada Wanita Umno.

"Saya mengucapkan tahniah kepada Aionn Khariyah Abbas kerana dilantik sebagai Setiausaha Parlimen. Tetapi tanpa prejudis, kita yakin presiden kita yang juga Perdana Menteri amat pro kepada kemajuan wanita.

"Saya yakin beliau turut menyokong sasaran 30 peratus peningkatan wanita di tahap membuat keputusan untuk turut mengisi kuota timbalan menteri kepada Wanita. Walaupun bukan sekarang tetapi Wanita akan menunggu bila-bila masa dan ia adalah hak mutlak Perdana Menteri," jelasnya.

Dr Siti Zaharah juga berharap harapan wanita untuk mencapai sasaran 30 peratus di semua peringkat membuat keputusan juga boleh menjadi realiti, dengan syarat semua pihak terbabit tidak menolak.

"Mungkin Yang Berhormat Datuk Ghani Othman (pemerhati Majlis Tertinggi di Perhimpunan Agung Wanita) berkata ada benchmark tetapi terpulanglah. apa yang penting ialah kita (wanita) boleh dan mampu melaksanakan kerja, berprestasi baik dan dapat menerima hakikat itu dengan penuh keyakinan," katanya.

Beliau yang mula menerajui pergerakan itu tahun lalu menegaskan, beliau sedia menerima sebarang teguran.

"Saya bersifat terbuka, saya kira-kira puan-puan begitu juga. Ini adalah soal perpaduan, kita harus menjadi pencorak yang baik dan menunjukkan keinginan hasrat untuk bersatu padu," katanya.

Dr Siti Zaharah berkata, pihaknya juga akan berusaha memastikan setiap bahagian menghantar sekurang-kurangnya seorang wakil Wanita ke Perhimpunan Agung mulai tahun depan.

(END)